

Cabaran, harapan Kabinet baharu

Kembalikan kepercayaan rakyat, bukan sekadar laksana tugas eksekutif

Sudah terang lagi bersuluh. Desas-desus rombakan Kabinet yang sekian lama diperkatakan kini telah menjadi kenyataan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan pasukan baharunya semalam. Suhu politik negara yang sememangnya panas, kini menggelegak ke paras mendidih.

Ternyata asakan yang kuat terhadap Perdana Menteri khususnya mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak membuatkan beliau berundur daripada jawatan nombor satu negara. Malah rombakan Kabinet ini dilihat mampu memperkukuhkan kepemimpinan beliau sehingga pilihan raya umum akan datang.

Perkembangan ini berbeza dengan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang memilih untuk mengundurkan diri pada tahun 2009 selepas pencapaian Barisan Nasional (BN) kurang memberangsangkan pada Pilihan Raya Umum 2008 selain kritikan hebat khususnya oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

Paling menarik perhatian dalam rombakan Kabinet ini adalah pengguguran Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bersekali jawatan Menteri Pendidikan. Kali terakhir Timbalan Perdana Menteri digugurkan ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim oleh Dr Mahathir pada 2 September 1998. Keputusan menggugurkan Muhyiddin diakui amat sukar dibuat oleh Najib, namun perlu dilakukan bagi menjamin kesatuan pasukannya.

Kebertanggungjawaban bersama

Rombakan Kabinet yang menyaksikan beberapa Anggota Kabinet digugurkan bukan keadaan luar biasa kerana dalam amalan kerajaan, prinsip kebertanggungjawaban bersama amat ditekankan. Ahli Kabinet perlu patuh dengan keputusan kerajaan dan pandangan peribadi yang bertentangan tidak dibenarkan menjangkau keputusan bersama.

Kita yakin Muhyiddin amat arif dalam hal ini. Malah, beliau sedar dan faham ketika melontarkan kritikan kerasnya kepada Najib berkaitan isu 1MDB dalam ucapan sempena Mesyuarat UMNO Bahagian Cheras baru-baru ini. Namun, dalam politik, keberanian harus dibayar dengan harga yang mahal. Kita percaya, pemimpin berusia 68 tahun ini sudah menjangkakan masa depan politiknya selepas mengkritik Perdana Menteri secara terbuka. Malah, beliau menerima keputusan Perdana Menteri dan kuasa prerogatifnya.

Selepas dipecat daripada jawatan nombor dua negara, pandangan kini beralih kepada kedudukan Muhyiddin sebagai Timbalan Presiden UMNO. Secara tradisi, jawatan Timbalan Perdana Menteri mesti disandang oleh Timbalan Presiden UMNO. Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang dijadualkan berlangsung Jumaat ini mungkin akan menentukan nasib Muhyiddin. Amat janggal jika Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO adalah individu yang berbeza.

Timbalan Perdana Menteri yang baharu, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi adalah Naib Presiden UMNO paling kanan. Justeru, beliau tidak mempunyai masalah besar memangku jawatan Timbalan Presiden UMNO sehingga pemilihan UMNO akan datang.

Selain itu, nasib seorang lagi Naib Presiden UMNO bertaraf menteri yang digugurkan, iaitu Datuk Seri Shafie Apdal masih tidak jelas. Selaku bekas ahli Kabinet yang mewakili kekuatan UMNO Sabah khususnya dan pengundi di Sabah dan Sarawak amnya, peranan beliau amat besar. Namun berdasarkan senarai Kabinet yang baharu ini, peranan Shafie mungkin digantikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia yang baharu, Datuk Seri Mohd Salleh Said Keruak.

Suara akar umbi rakyat

Setiap kali rombakan Kabinet, persoalan yang timbul apakah ia terjemahan daripada suara akar umbi rakyat atau sekadar memenuhi kepentingan elit politik semata-mata. Ini adalah polemik yang berlegar dalam kotak pemikiran sebahagian besar rakyat Malaysia.

Namun, Perdana Menteri pastinya mempunyai alasan kukuh bagi menjamin keutuhan barisan Kabinetnya. Bagaimanapun tidak semua pihak melihat hal yang sama. Justeru, Kabinet baharu ini mempunyai tugas berat, iaitu bukan sahaja melaksanakan tugas eksekutif seperti biasa, tetapi mengembalikan kepercayaan rakyat kepada kerajaan.

Satu tindakan yang boleh dipuji dalam rombakan Kabinet di sini adalah memisahkan semula Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi. Ia adalah tindakan yang tepat kerana kedua-dua kementerian boleh berdiri dengan sendiri kerana cukup besar dan matang. Pemisahan dua kementerian ini akan dapat melonjakkan lagi usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Kemasukan 'orang lama' dalam Kabinet baharu yang mempunyai pengalaman perlu disepadukan bagi memperkukuhkan prestasi dan reputasi kerajaan. Kemunculan semula bekas Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina Othman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Chuan sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Kedua, wajar dimanfaatkan dan bukan sekadar mengisi kekosongan dan kuota sahaja.

Rombakan Kabinet kali ini turut memperlihatkan muka baharu, antaranya Ahli Parlimen Kepala Batas, Datuk Seri Rizal Merican Naina Merican yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Luar dan Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri). Muka baharu yang sebenarnya orang lama, iaitu Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dinaikkan pangkat sebagai menteri penuh menerajui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Tidak dinafikan, impak rombakan Kabinet kali ini amat besar lebih-lebih lagi isu 1MDB belum selesai. Apa yang diharapkan, Kabinet baharu ini tidak membawa gaya politik lama sebaliknya terus memberi fokus kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Kepemimpinan yang berintegriti dan amanah mesti menjadi asas kerajaan. Keyakinan rakyat perlu dikembalikan sebelum terlambat.



Penulis

ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia



MOHD IZANI
MOHD ZAIN

SIDANG REDAKSI

Pengarang Urusan
Kumpulan BH
Datuk Abdul Jalil Hamid
jalil@bh.com.my

Pengarang
Kumpulan BH
Datuk Mahfar Ali
mafa@bh.com.my

Timbalan Pengarang
Kumpulan BH
Badrulhisham Othman
baneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Pengeluaran Percetakan & Digital
Rosli Saif
roslis@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Berita/Rencana/Digital
Ahmad Zaini
Kamaruzzaman
madzaini@bh.com.my

BH
diterbitkan oleh The New
Straits Times Press (M) Bhd,
31, Jalan Riong,
59100, Kuala Lumpur,
Tel: 1-300-22-6787
Faks: 03 20567081
Laman Web:
www.bharian.com.my
E-mel:
bhrencana@bh.com.my